

Parlimen: Lebih 67,000 Permohonan Saguhati Khas Anggota Bekas Polis Bantuan Diterima
Bernama
20 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini diberitahu, sehingga semalam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerima serta memproses 67,540 permohonan saguhati khas RM3,000 kepada anggota-anggota bekas polis bantuan di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abu Seman Yusop berkata daripada jumlah itu, 64,592 permohonan diluluskan manakala 58,830 pemohon telah menerima cek masing-masing dan bakinya seramai 5,762 pemohon sedang dalam proses penyerahan cek berkenaan.

"Pemberian saguhati khas ini diberi kepada anggota-anggota bekas polis bantuan yang berkhidmat semasa zaman darurat itu telah dibuat berdasarkan Belanjawan 2012 yang diluluskan Dewan Rakyat pada 23 Nov lepas," katanya.

Saguhati khas ini diberikan kepada anggota bekas polis bantuan terdiri daripada pasukan 'Special Constabulary, Auxiliary Police, Home Guard, Extra Police Constable, Border Scout, Jungle Scout/Squad, Police Field Force Reservist serta Sarawak Constabulary' yang berkhidmat pada zaman darurat iaitu antara 1948 hingga 1962 (Semenanjung) manakala bagi Sabah dan Sarawak antara tahun 1962 hingga 1974.

Abu Seman berkata demikian ketika menjawab soalan Tan Ah Heng (BN-Gelang Patah) yang meminta kementerian menyatakan jumlah penerima Bantuan Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) dan jumlah permohonan yang ditolak serta punca utama kegagalan permohonan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674381>